

# PM: Arqam ancaman keselamatan negara

Oleh ZULKIFLEE BAKAR

KUALA LUMPUR 17 Jun — Gerakan kumpulan Darul Arqam kini sudah sampai ke tahap yang boleh mengancam keselamatan negara, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Katanya, ini jelas apabila pemimpin Darul Arqam sudah menyatakan hasrat untuk menjadi pemimpin negara melalui cara yang tidak diketahui oleh kerajaan.

“Bila satu organisasi yang berasaskan kepada fanatisme dan personaliti... waktu dia kecil tidak mengapa bila dia sudah menjadi besar... pemimpinnya merasakan dia sudah kuat dan gagah tentu ada niat (untuk memerintah negara),” katanya.

Beliau yang juga Menteri Da-

lam Negeri berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Festival Tamadun Islam di Pusat Islam, di sini, hari ini.

Perdana Menteri mengulas mengenai laporan yang menyatakan pertubuhan itu telah menubuhkan Tentera Badar yang dilatih di Thailand.

Dr. Mahathir berkata, Darul Arqam boleh menjadi ancaman kepada keselamatan negara seperti mana yang pernah berlaku di negara-negara Islam lain.

“Gerakan yang kecil-kecilan pada mulanya agak biasa tetapi bila dia (pertubuhan berkenaan) membesar dan mendapat sokongan yang banyak... pemimpinnya akan mempunyai cita-cita yang besar iaitu untuk menakluk atau menguasai kerajaan di dalam negara.

■ Lihat muka 2

# PM: Arqam ancam 'keselamatan negara'

"Kita nampak aliran ini sudah berada di dalam gerakan Arqam yang dahulunya kita tidak mengambil berat sangat kerana kita anggap kumpulan kecil yang menyeleweng," katanya.

Perdana Menteri berkata, tindakan Arqam ini harus dibanteras daripada awal sebelum ia menjadi bertambah serius.

"Pada masa ini sedikit sebanyak dia (Darul Arqam) merupakan satu ancaman...tetapi sebelum sesuatu itu menjadi terlalu besar dan sukar dihalangi lebih baik tindakan diambil," katanya.

Ditanya mengenai tindakan yang boleh diambil ke atas pertubuhan itu, Dr. Mahathir menjelaskan, buat permulaannya kerajaan harus berusaha mendidik umat Islam di negara ini mengenai penyelewengan yang dilakukan oleh Darul Arqam.

"Kita harus mendapat sokongan rakyat kerana jika kita tidak menerangkan kepada mereka tentang bahaya Arqam...ini mungkin akan menyebabkan rakyat menganggap kita menindas satu gerakan Islam tetapi yang sebenarnya bukan Islam.

"Jika kita menindas apa yang pada pandangan rakyat adalah gerakan Islam mereka mungkin tidak akan menyokong kita," katanya.

Kata Dr. Mahathir, sudah jelas ajaran Darul Arqam kini menyeleweng apabila pemimpin pertubuhan itu dianggap seolah-olah nabi dan Imam Mahadi.

Mengenai tindakan pemimpin Darul Arqam yang menjalankan gerakan di luar negara, beliau berkata, pemimpin tersebut mencari sokongan daripada orang yang tidak tahu apa sebenarnya ajaran Arqam.

"Dan bila berada di luar negara dia (pemimpin Arqam) cuba mencerminkan dia mendapat sokongan daripada masyarakat Islam di Malaysia bahkan pemimpin-pemimpin kerajaan negara ini.

"Dengan ini dia akan dapat mempengaruhi orang-orang yang tidak mengetahui apa sebenarnya berlaku dan mendapat sokongan daripada negara-negara lain," katanya.

Ditanya mengenai dakwaan yang menyatakan terdapat pemimpin di negara ini yang menyokong perjuangan Arqam, Perdana Menteri berkata: "Ada kemungkinan..pemimpin yang mempunyai kepentingan boleh menggunakan pengaruh Arqam dan Arqam boleh mempergunakan mereka."

Sementara itu, wartawan *Utusan*, Astora Jb melaporkan dari Bangkok semalam bahawa seorang wakil Al-Arqam yang berpangkalan di sini mendakwa, ketua mereka, Ashaari Muhammad telah bersedia untuk pulang ke Malaysia bagi menjadi Perdana Menteri melalui peralihan kuasa secara 'ghaib' atau 'khawariq al-adah'.

'Khawariq al-adah' (bagi golongan nabi disebut sebagai mukjizat) bermaksud seseorang manusia itu memperoleh sesuatu anugerah secara luar biasa, ghaib atau keramat daripada Allah.

Wakil itu, Muhammad Adam yang ditemui di Pejabat Perhubungan kumpulan itu di Jalan Rama 9,

Huamark, Bangkapi berkata, bagaimanapun tiada sesiapa yang tahu bila 'peristiwa besar' (Ashaari menjadi Perdana Menteri) itu akan berlaku.

"Tetapi adalah diyakini kepulauan Abuya (ayahanda Ashaari) ke Malaysia untuk menjadi Perdana Menteri bukan secara rampasan kuasa.

"Semua kami (ahli kumpulan Al-Arqam) yakin perkara ini, tetapi tidak dapat dijelaskan bagaimana Abuyah boleh kembali menjadi Perdana Menteri melalui cara 'khawariq al-adah' itu, kerana ia di luar kemampuan akal manusia untuk memikirkannya," jelas beliau.

Tetapi jelas wakil kumpulan itu, kejadian tersebut tidak mustahil berlaku kerana Nahi Muhammad s.a.w sendiri menjadi pemimpin melalui 'khawariq al-adah' (mukjizat) juga.

Ditanya mengenai laporan dari Pusat Islam di Malaysia yang mengatnkan kumpulan itu telah menubuhkan pasukan tentera berani mnti yang dikenali sebagai "Tentera Badar," Abdullah berkata, Ashaari sendiri telah menafikan perkara itu.

"Tidak masuk akal Pusat Islam menuduh kami begitu. Jumlah kami di sini pun tidak berapa orang dan tidak mampu menubuh sebuah pasukan tentera pun," katanya.

Wakil Al-Arqam menjelaskan, Kementerian Dalam Negeri Thailand mempunyai maklumat yang lengkap mengenai kedudukan Al-Arqam di sini.

Oleh itu, katanyan jika kumpulan itu didapati melakukan sesuatu yang menyalahi peraturan negara ini, sudah tentu tindakan akan diambil terhadap kumpulan berkenaan.

"Adalah menjadi dasar Al-Arqam tidak mendukung kekerasan dan menyelesaikan masalah dengan senjata. Malah kami juga tidak mempunyai hubungan dengan mana-mana pergerakan revolusi," jelas beliau.

Ditanya mengenai pendirianumpulannya terhadap Ashaari, beliau berkata, anggota-anggota kumpulan itu meyakini bahawa Ashaari yang didakwanya sebagai mujaddid atau reformis agama Islam akan muncul sebagai pembantu Imam Mahadi, sebelum munculnya imam itu.

Wakil itu menjelaskan, Ashaari tidak akan menjadi Imam Mahadi seperti yang disebut-sebut sebelum ini, tetapi akan menjadi 'pemuda Tamim' yang disebut dalam sebuah hadis akan muncul di sebelah Timu dunia ini sebagai pembantu kepada imam itu.

Sementara itu wakil Utusan yang cuba untuk menemui Ashaari gagal berbuat demikian, walaupun pada peringkat awalnya beliau bersetuju untuk berjumpa bagi menjelaskan keadaan sebenar berhubung dakwaan yang mengatakan kumpulan itu telah menubuhkan pasukan "Tentera Badar."

Semalam beberapa akhbar dan televisyen negara ini memainkan isu bahawa Al-Arqam telah menubuhkan pasukan tentera itu dan sesetengah media itu telah mengaitkannya dengan percubaan meletupkan Kedu-taan Israel di sini baru-baru ini.